



KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri
Aras 2, Setia Perdana 7
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : 03 8000 8000
Fax : 03 8888 3258
Portal Rasmi : www.cgso.gov.my

Rujukan Kami: KPKK(R)100-1/5/4 Jld. 3 (37)

Tarikh: 19 Januari 2023

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Setiausaha Suruhanjaya

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

SURAT EDARAN KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN
BILANGAN 1 TAHUN 2023 : PERINGATAN BERHUBUNG
KEPENTINGAN MELINDUNGI KERAHSIAAN MAKLUMAT
KERAJAAN

Dengan hormatnya izinkan saya menarik perhatian YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan berkaitan perkara di atas.

2. Sukacita bersama-sama ini dikemukakan surat "Peringatan Berhubung Kepentingan Melindungi Kerahsiaan Maklumat Kerajaan" yang telah ditandatangani oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara pada 13 Januari 2023 untuk makluman dan tindakan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan seterusnya. Kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan untuk menghebahkan Surat Peringatan ini kepada semua pegawai dan kakitangan di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan masing-masing.

'RAHSIAKAN RAHSIA KERAJAAN'



ISO 9001-0048595



Certified to ISO 22301:2019
CERT NO.: 014-BC005

3. Dalam hal ini, merujuk perenggan 4 dalam Surat Peringatan berkenaan, YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan selaku Ketua Jabatan **hendaklah** menentukan supaya semua pegawai awam di bawah seliaan masing-masing menandatangani borang Perakuan Untuk Ditandatangani Oleh Pegawai Awam Berkaitan Dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] yang dilampirkan bersama seperti di **Lampiran A** yang akan disempurnakan dalam suatu majlis yang bersesuaian selewat-lewatnya pada **suku tahun pertama (Januari – Mac) setiap tahun**. Kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan dimohon untuk mengemukakan Maklum Balas Pegawai Awam Yang Menandatangani Perakuan Akta Rahsia Rasmi 1972 seperti di **Lampiran B** dalam tempoh **selewat-lewatnya tujuh (7) hari bekerja** selepas sesuatu majlis berkenaan diadakan ke Pejabat ini seperti berikut:

Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri
Aras 2, Setia Perdana 7
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
(u.p.: Bahagian Keselamatan ICT & Rahsia Rasmi)
E-mel: kictrr@cgso.gov.my

4. Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan perkara ini, pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan boleh menghubungi pegawai dari Pejabat ini seperti di bawah:

- (i) Encik Adzrol Hisham bin Mohamad
Tel: 03-88726133
E-mel: adzrol@cgso.gov.my

- (ii) Puan Azreena binti Mohd Norawi
Tel: 03-88726185
E-mel: azreena@cgso.gov.my

5. Kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"RAHSIAKAN RAHSIA KERAJAAN"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(RAHIMI BIN ISMAIL)

s.k.:

1. YBhg. Tan Sri Dato' Seri Ketua Setiausaha Negara
2. YBhg. Dato' Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, JPM

**PERAKUAN UNTUK DITANDATANGANI OLEH PEGAWAI AWAM BERKAITAN
DENGAN AKTA RAHSIA RASMI 1972 [AKTA 88]**

Adalah saya dengan ini mengaku bahawa perhatian saya telah ditarik kepada peruntukan-peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] dan bahawa saya faham dengan sepenuhnya akan segala yang dimaksudkan dalam Akta itu. Khususnya saya faham bahawa menyampaikan, menggunakan atau menyimpan dengan salah dan tidak menjaga dengan cara yang berpatutan sesuatu rahsia rasmi dan suratan rasmi atau apa-apa tingkah laku yang membahayakan keselamatan atau kerahsiaan sesuatu rahsia rasmi adalah menjadi suatu kesalahan di bawah seksyen 8 Akta tersebut, yang boleh dihukum dengan penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak lebih daripada tujuh tahun.

Saya faham bahawa segala rahsia rasmi dan suratan rasmi yang saya peroleh dalam perkhidmatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau perkhidmatan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia, adalah milik Kerajaan dan tidak akan membocorkan, menyiar, atau menyampaikan, sama ada secara lisan atau dengan bertulis, kepada sesiapa jua dalam apa-apa bentuk, kecuali pada masa menjalankan kewajipan-kewajipan rasmi saya, sama ada dalam masa atau selepas perkhidmatan saya dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau dengan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia dengan tidak terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis pihak berkuasa yang berkenaan. Saya berjanji dan mengaku akan menandatangani satu akuan selanjutnya bagi maksud ini apabila meninggalkan Perkhidmatan Kerajaan.

Tandatangan	:	
Nama (huruf besar)	:	
No. Kad Pengenalan	:	
Jawatan	:	
Jabatan	:	
Tarikh	:	
Disaksikan oleh		

(Tandatangan)

Nama (huruf besar)	:	
No. Kad Pengenalan	:	
Jawatan	:	
Jabatan	:	
Tarikh	:	
Cap Jabatan		

MAKLUM BALAS
PEGAWAI AWAM YANG MENANDATANGANI
PERAKUAN AKTA RAHSIA RASMI 1972

BILANGAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN DI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI	JUMLAH MENANDATANGANI PERAKUAN	
	SELESAI	BELUM SELESAI
Kumpulan Pengurusan Tertinggi :		
Kumpulan Pengurusan & Profesional :		
Kumpulan Pelaksana :		

Sila nyatakan ulasan bagi Pegawai dan Kakitangan yang masih belum menandatangani Perakuan Akta Rahsia Rasmi 1972:

Disahkan oleh Ketua Jabatan:

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Jabatan :

Tarikh :



**KETUA SETIAUSAHA NEGARA
MALAYSIA**

Jabatan Perdana Menteri
Aras 4 Blok Timur, Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya

Tel : 603-8872 7211
Faks : 603-8889 4479

KPKK(R)100-1/5/4 Jld. 3 (36)

13 Januari 2023

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Setiausaha Suruhanjaya

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PERINGATAN BERHUBUNG KEPENTINGAN MELINDUNGI
KERAHSIAAN MAKLUMAT KERAJAAN**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/tuan/puan berkaitan perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/tuan/puan sedia maklum, Kerajaan memandang serius beberapa insiden melibatkan pendedahan dokumen rahsia rasmi Kerajaan kepada pihak yang tidak sepatutnya. Dalam hal ini, dapat dirumuskan bahawa berlakunya pendedahan dokumen rahsia rasmi tersebut adalah berpunca daripada pegawai awam yang kurang kepekaan dan mempunyai kepentingan peribadi dengan membelakangkan keutamaan untuk melindungi kerahsiaan maklumat Kerajaan.

3. Justeru, mana-mana pegawai awam yang secara salah mengemukakan dokumen rahsia rasmi Kerajaan berkenaan kepada pihak yang bukan dalam perkhidmatan awam boleh ditafsirkan sebagai **tidak berintegriti dan tidak beramanah serta melanggar Aku Janji perkhidmatan awam**. Sebagai peringatan, pegawai awam tersebut boleh dikenakan tindakan di bawah perundangan atau tindakan tatatertib di bawah peraturan pegawai awam yang sedang berkuat kuasa.


4. Untuk tujuan ini, bagi memberi kesedaran berhubung kepentingan melindungi kerahsiaan maklumat Kerajaan, maka Ketua Jabatan hendaklah menentukan supaya semua pegawai awam di bawah seliaan masing-masing menandatangani Borang Perakuan untuk ditandatangani oleh pegawai awam berkaitan dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] seperti di Lampiran ‘C’, Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) yang disempurnakan di dalam sesuatu majlis yang bersesuaian selewat-lewatnya pada **suku tahun pertama (Januari – Mac) setiap tahun**.

5. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini dikemukakan “Peringatan Berhubung Kepentingan Melindungi Kerahsiaan Maklumat Kerajaan” seperti di **Lampiran A** kepada YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato’ Seri/Datuk/Dato’tuan/puan untuk edaran seterusnya kepada pegawai awam di bawah seliaan masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI)

LAMPIRAN A

PERINGATAN BERHUBUNG KEPENTINGAN MELINDUNGI KERAHSIAAN MAKLUMAT KERAJAAN

1. TUJUAN

Peringatan ini bertujuan menarik perhatian semua Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Jabatan Persekutuan, Setiausaha Suruhanjaya, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan kepentingan melindungi kerahsiaan maklumat Kerajaan dari ancaman kebocoran.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Sejak kebelakangan ini, didapati terdapat dokumen / maklumat rahsia rasmi Kerajaan telah didedahkan dan disampaikan secara tidak sah kepada umum (*public*) melalui aplikasi media sosial seperti *Whatsapp*, *Facebook*, *Twitter*, *Telegram* dan seumpamanya. Pendedahan dokumen / maklumat rahsia rasmi ini adalah merupakan pelanggaran kepada pematuhan ke atas kawalan dokumen / maklumat rahsia rasmi Kerajaan dan kesan berlakunya pelanggaran ini boleh mendatangkan implikasi yang tidak baik kepada kerajaan atau sehingga boleh mengancam kepada keselamatan Negara.

- 2.2 Peringatan kepada semua pegawai awam yang terlibat dalam mengurus dan mengendalikan dokumen / maklumat rahsia rasmi agar sentiasa menjaga dan melindungi kerahsiaan sesuatu maklumat Kerajaan supaya tidak terdedah kepada mana-mana pihak yang tidak dibenarkan bagi mengelak sebarang bentuk manipulasi, provokasi dan kecaman ke atas pentadbiran Kerajaan.
- 2.3 Selain itu, pegawai awam yang terlibat juga hendaklah sentiasa mengamalkan prinsip “perlu mengetahui” seperti yang ditetapkan di perenggan 18, Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) dalam memastikan kerahsiaan maklumat Kerajaan sentiasa terpelihara.

3. PELAKSANAAN

- 3.1 Pengurusan dokumen / maklumat rahsia rasmi Kerajaan hendaklah diberi perlindungan secara menyeluruh. Ketua Jabatan bertanggungjawab sepenuhnya **memastikan dokumen / maklumat rahsia rasmi** di Agensi masing-masing diurus dan dikendalikan **mengikut peraturan yang ditetapkan** dalam Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) dan garis panduan Keselamatan Perlindungan yang sedang berkuat kuasa serta menepati kehendak Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88].
- 3.2 Semua Ketua Jabatan hendaklah memberi peringatan kepada pegawai dan kakitangan di bawah seliaan masing-masing supaya sentiasa menjaga dan melindungi kerahsiaan dokumen / maklumat

rahsia rasmi Kerajaan sepanjang berada di bawah pengetahuan atau milikannya.

- 3.3 Peringatan boleh disampaikan melalui tiga (3) kaedah iaitu:
 - 3.3.1 dalam sesuatu mesyuarat atau semasa majlis amanat berlangsung; dan
 - 3.3.2 hebahan melalui e-mel rasmi jabatan kepada semua pegawai dan kakitangan jabatan; dan
 - 3.3.3 semasa menandatangani Borang Perakuan Untuk Ditandatangani Oleh Pegawai Awam Berkaitan Dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] seperti di Lampiran 'C', Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017).
- 3.4 Semua Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai awam dalam perkhidmatan tetap, sementara atau kontrak di bawah seliaan masing-masing menandatangani Borang Perakuan Untuk Ditandatangani Oleh Pegawai Awam Berkaitan Dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] setiap tahun seperti yang diperuntukkan di perenggan 150, Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017). Perakuan oleh pegawai awam berkenaan boleh dilaksanakan melalui Majlis Amanat atau apa-apa majlis yang bersesuaian.
- 3.5 Peringatan juga diberikan supaya semua pegawai awam yang terlibat mengurus dan mengendalikan dokumen / maklumat rahsia rasmi

agar tidak menggunakan apa jua aplikasi media sosial sebagai medium penghantaran melainkan dengan menggunakan e-mel rasmi jabatan. Sebarang kebocoran rahsia rasmi yang disampaikan melalui medium yang tidak selamat adalah menjadi tanggungan penghantar dokumen / maklumat rahsia rasmi tersebut.

- 3.6 Sebagai peringatan, prosedur penghantaran dokumen / maklumat rahsia rasmi hendaklah mengikut ketetapan seperti mana yang diperuntukkan di perenggan 107 dan perenggan 134, Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) dengan syarat-syarat berikut hendaklah dipatuhi iaitu:
 - 3.6.1 hendaklah menggunakan e-mel rasmi jabatan oleh penghantar dan penerima dengan syarat ia dilindungi dengan sistem enkripsi;
 - 3.6.2 penghantar hendaklah sentiasa berhati-hati dalam memastikan penerima yang sah sahaja untuk menerima dokumen / maklumat rahsia rasmi berkenaan;
 - 3.6.3 penerima adalah dihadkan kepada pegawai-pegawai yang dibenarkan akses sahaja atau yang terlibat secara langsung dengan pengendalian dokumen / maklumat rahsia rasmi tersebut dengan mengamalkan prinsip “perlu mengetahui”;
 - 3.6.4 penerima tidak dibenarkan untuk memajukan secara tidak sah kepada mana-mana individu lain yang tidak dibenarkan sama ada secara langsung atau tidak langsung;

- 3.6.5 sebarang penghantaran dokumen / maklumat rahsia rasmi melalui apa jua medium aplikasi media sosial adalah **tidak dibenarkan** dengan mengambil kira dokumen / maklumat rahsia rasmi diberi perlindungan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88];
- 3.6.6 semua dokumen rahsia rasmi Kerajaan yang dihantar lebih daripada satu (1) penerima **hendaklah diberi tanda ‘terair’ (watermark)** di setiap helaian. Tera air ini adalah menunjukkan pembahagian kepada penerima **sebagai contoh**:
- (i) ‘KSP MOF’ singkatan kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan, ‘KPPA’ singkatan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan awam dan seterusnya; atau
 - (ii) menggunakan kod nombor iaitu nombor ‘1’. Kod nombor ‘1’ adalah untuk KSP MOF dan seterusnya.
- 3.6.7 pegawai awam yang terlibat dalam mengurus dan mengendalikan sesuatu dokumen / maklumat rahsia rasmi hendaklah sentiasa **mengamalkan dan membudayakan** aspek Keselamatan Perlindungan serta diberi kesedaran melalui taklimat, bengkel, kursus yang diadakan secara berkala dengan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO).
- 3.7 Semua pegawai awam yang terlibat menguruskan dokumen / maklumat rahsia rasmi hendaklah mempunyai amalan integriti serta kebolehpercayaan yang tinggi. **Dilarang sama sekali** menyalurkan sebarang dokumen / maklumat rahsia rasmi Kerajaan sama ada

secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana pihak melainkan dengan **kebenaran** daripada Ketua Jabatan.

- 3.8 Mana-mana dokumen / maklumat rahsia rasmi yang akan **diterbitkan untuk hebahan umum hendaklah dikelaskan semula** oleh pegawai yang diperuntukkan di bawah seksyen 2c, Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] dan sesuatu dokumen / maklumat rahsia rasmi yang dikelaskan semula tersebut terhenti menjadi rahsia rasmi (Terbuka).

4. TINDAKAN TATATERTIB / PENDAKWAAN

- 4.1 Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk **mengambil tindakan tegas** terhadap mana-mana pegawai awam di bawah seliaan masing-masing yang terlibat mendedahkan dokumen / maklumat rahsia rasmi Kerajaan kepada mana-mana pihak tanpa kebenaran yang sah sehingga pendedahan tersebut tersebar kepada umum (*public*) dan menimbulkan persepsi negatif serta menjelaskan imej pentadbiran Kerajaan. Tindakan tegas boleh diambil melalui peruntukan undang-undang sedia ada dengan membuat laporan Polis atau melalui tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) yang sedang berkuat kuasa.
- 4.2 Sebarang pendedahan dokumen / maklumat rahsia rasmi yang memberi implikasi atau menjelaskan imej pentadbiran Kerajaan sehingga menyebabkan kesusahan kepada Kerajaan atau menimbulkan keadaan serba salah kepada Kerajaan, maka Ketua

Jabatan dikehendaki melaporkannya secara bertulis kepada Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) atau di peringkat Negeri kepada Pengarah Keselamatan Kerajaan Pejabat CGSO Negeri masing-masing.

- 4.3 Mana-mana Ketua Jabatan yang tidak mengambil sebarang tindakan berkaitan insiden pendedahan dan kebocoran dokumen / maklumat rahsia rasmi yang berlaku di jabatannya dianggap telah melanggar peruntukan seperti di perenggan 117 dan perenggan 141, Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017).

5. MAKLUMAT PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berhubung surat peringatan ini, hubungi:

**Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri
Aras -1, 1 & 2, Setia Perdana 7
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA**

**Tel : 03-88726038 / 6039
Faks : 03-88883258
E-mel : kictrr@cgso.gov.my**